



Sahabat Alam Malaysia

Friends of the Earth Malaysia

For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

Kenyataan Media

5 April 2019

SAM gesa masalah banjir penduduk Sungai Bakau ditangani segera

Sahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Daerah Kerian (MDK) dan Jabatan Perikanan Perak segera menyiasat punca masalah banjir kilat yang sering berlaku di Kampung Tanah 100 Sungai Bakau dekat Parit Buntar di sini.

Kejadian yang berlarutan sejak lebih 10 tahun yang lalu itu kini semakin kerap berlaku menyebabkan peralatan serta perabut di beberapa buah rumah di kampung berkenaan mengalami kerosakan.

Masalah ini telah dimaklumkan kepada pihak berwajib namun hingga sekarang tidak ada tindakan yang diambil bagi menangani masalah tersebut dengan berkesan.

Dalam tinjauan yang dibuat SAM difahamkan oleh penduduk-penduduk yang terlibat bahawa keadaan ini berlaku berpunca dari sistem saliran yang tidak sempurna dan pembuangan sisa dari kolam ternakan ikan keli berhampiran.

SAM mendapati saliran sepanjang 200 meter berhampiran kolam ternakan ikan keli di kampung tersebut dipenuhi sisa lumpur manakala sekitarnya pula digenangi air yang bertakung serta berbau busuk.

Terdapat juga kawasan sawah di kampung ini terbiar kerana tidak boleh diusahakan akibat diancam limpahan sisa buangan dari kolam ternakan ikan keli di kampung itu.

SAM kesal walau pun kejadian ini sudah lama berlaku dan mengancam kehidupan penduduk kampung di sini tetapi tidak ada pihak yang tampil menyelesaikannya. SAM turut mempersoalkan bagaimana projek akuakultur boleh dibenarkan beroperasi di kampung itu tanpa mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar dan kehidupan penduduk tempatan.

Justeru SAM meminta Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perikanan menyiasat perkara ini dan mengambil tindakan tegas jika terdapat sebarang pelanggaran undang-undang serta peraturan berkaitan.

SAM percaya dan bimbang jika punca masalah ini gagal ditangani dengan berkesan bukan saja kehidupan penduduk-penduduk kampung berkenaan akan terancam dengan lebih serius lagi malah alam sekitar dan kawasan sawah di sini juga akan turut musnah pada masa akan datang.

S.M. MOHAMED IDRIS
Presiden
Sahabat Alam Malaysia